

Headline	Johan tilawah terima hadiah kereta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Mahkamah	Circulation	40,000
Page No	56	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	63 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 564
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,693



## Johan tilawah terima hadiah kereta

**KUALA LUMPUR** - Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan kereta jenis Proton Preve sebagai hadiah kepada johan qari dan qariah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-57.

Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan CEO, Tan Sri Ismee Ismail menyerahkan hadiah Proton Preve 1.6 CVT Executive

itu, masing-masing kepada Ahmad Tirmizi Ali, 29, dan Hanimzah Jalaluddin, 32, di Ibu Pejabat TH di sini. Dua buah kereta itu bernilai hampir RM124,000.

TH adalah penaja hadiah utama bagi Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung dari 13 hingga 17 Mei lalu di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di Kuantan, Pahang.

Sementara itu, Tirmizi menzahirkan rasa syukur atas hadiah yang telah disumbangkan oleh TH.

"Saya amat bersyukur atas hadiah yang disumbangkan oleh pihak TH dan saya ingin lihat lebih ramai anak muda untuk menyertai tilawah Al-Quran," katanya yang telah menjuarai Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan buat kali kedua berturut-turut.